

28.6.2021_Berita Harian_MOSTI_CITF nafi PPV di Selangor kurang bekalan vaksin

Penularan COVID-19

CITF nafi PPV di Selangor kurang bekalan vaksin

339,000 dos dimiliki cukup untuk pemberian suntikan seminggu lagi

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) menafikan dakwaan beberapa Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Selangor berdepan risiko terpaksa dihentikan operasi susulan kekurangan bekalan vaksin.

Penasihat Khas (Sains) kepada Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairi Jamaluddin, Prof Madya Dr Mohd Ghows Mohd Azzam, berkata capaian dalam Sistem Pengurusan Pelawat (VMS) mendapati Selangor ketika ini memiliki kira-kira 339,000 dos vaksin.

Jumlah itu, katanya, mencukupi bagi proses pemberian vaksin kepada orang ramai, sekurang-kurangnya seminggu lagi.

"Salam @DrSitiMariah (EXCO



Warga emas menerima vaksin COVID-19 di PPV mega Pusat Konvensyen Setia City, Shah Alam. (Foto Faiz Anuar/BH)

Kesihatan Awam, Perpaduan serta Pembangunan Wanita dan Keluarga Selangor, Dr Siti Mariah Mahmud). Anda sepatutnya hubungi CITF mengenai perkara ini daripada memuat naik di laman sosial.

"Terdapat bekalan dos vaksin yang dijadual dihantar ke Selangor pada 28 hingga 30 Jun ini serta 1 hingga 4 Julai ini.

"Bagaimanapun, saya tidak boleh bantu, jika anda bercakap mengenai vaksin di luar Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK)," katanya menerusi ci-

apan di laman Twitter, semalam.

Beliau mengulas dakwaan Dr Siti Mariah yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Serdang mengenai beberapa PPV di Selangor terpaksa berhenti operasi susulan kekurangan bekalan dos vaksin COVID-19.

Mohd Ghows berkata, kadar pemberian harian vaksin COVID-19 di Selangor ketika ini tidak melebihi 46,000 dos, selain penghantaran pelarian itu adalah melebihi kapasiti berkenaan.

"Meningkatkan vaksinasi adalah perkara dibincangkan ketika

berkunjung ke Selangor untuk membentangkan pelan untuk segera menghabiskannya menjelang Ogos, kita sedia membantu memudahkannya," katanya.

Sementara itu, Dr Siti Mariah ketika dihubungi berkata, bekalan vaksin sedia ada di Selangor berbaki 20,000 dos, sekali gus menyebabkan beberapa PPV di negeri itu sukar mencapai tahap pemberian pelarian optimum.

Katanya, kenyataan Mohd Ghows itu antara lain disifatkan sebagai komitmen kerajaan Persekutuan menghantar bekalan dos tambahan vaksin COVID-19 ke Selangor.

"Kapasiti terkini di PPV CITF di Selangor adalah 87,616. Purata pemberian vaksin harian adalah 50,000 dos pertama, manakala 20,000 dos kedua. Ini tidak mengambil kira PPV di bawah ProtectHealth.

"Bilangan penerima dos kedua semakin bertambah sebab kita beri 50,000 dos pertama setiap hari dan terpaksa menggunakan dos vaksin disimpan untuk melengkapkan vaksinasi penerima terdahulu.

"Apabila vaksin tak sampai dan penerima yang menunggu untuk dos kedua sudah ada. Ini tak cukup untuk kita pusing dan terpaksa guna dos simpanan," katanya.